



**TERMETERAI...peserta bergambar kenangan bersama Dr Mahathir selepas menandatangani perjanjian persefahaman bersama Yayasan Kepimpinan Perdana, semalam.**

# Jalin kerjasama program penyelidikan

PUTRAJAYA: Yayasan Kepimpinan Perdana semalam menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bagi mengadakan kerjasama dalam beberapa bidang utama untuk meningkatkan program penyelidikan yayasan itu terhadap empat bekas Perdana Menteri Malaysia.

MoU itu ditandatangani dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Arkib Negara dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Majlis menandatangani MoU itu disaksikan Penasihat Kehormat Yayasan Kepim-

nan Perdana yang juga bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah yayasan berkenaan, Tan Sri Azman Hashim.

Antara bidang utama kerjasama ditandatangani itu ialah perkongsian sumber, mewujudkan maklumat digital, menyokong geran penyelidikan serta pertukaran maklumat.

Yayasan Kepimpinan Perdana diperbadankan tahun lalu adalah sebuah organisasi bukan bermotifkan keuntungan bertujuan memelihara, memaju dan me-

nyebarkan peninggalan intelektual bekas Perdana Menteri menerusi penyelidikan dasar, strategi dan inisiatif pembangunan negara mereka.

Berucap di majlis itu, Azman berkata, yayasan itu mengalu-alukan sokongan institusi terbabit dalam MoU itu untuk meningkatkan program penyelidikan yayasan berkenaan mengenai bekas pemimpin negara.

"MoU ini adalah sebahagian usaha yayasan berkongsi maklumat mengenai gaya kepimpinan bekas pemimpin negara," katanya.